



اَبُو سَيِّدِي تَكْوَلُو كَلِمَاتُ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Bertam

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERBAHAGIA
PROFESOR IR. DR. HAJI AHMAD RASHIDY RAZALI
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG**

SEMPENA

**“MAJLIS PERASMIAN PENGUMPULAN SISA ELEKTRIK DAN
ELEKTRONIK ISI RUMAH & PELANCARAN INISIATIF HIJAU”
FAKULTI SAINS KESIHATAN
UiTM CPP KAMPUS BERTAM**

DI

**PTAR, PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK,
UiTM CPP KAMPUS BERTAM**

PADA

**14 JULAI 2023 / 24 ZULHIJAH 1444H
(JUMAAT)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS.

- 1. Yang Berusaha Encik Norazizi Bin Adinan**
Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang
- 2. Yang Berusaha Encik Amir Heberd Abdullah**
Penolong Rektor
UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam
- 3. Yang Berusaha Puan Foo Shiang Wyne**
“Chief Human Resources Officer”
Sunway Group
- 4. Yang Berusaha Encik Fong Foo Tat**
“Senior General Manager”
Sunway Group
- 5. Yang Berusaha Puan Shirly Ooi Guat Choo**
Pengurus Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran
(Environmental, Health & Safety, EHS Manager)
Cycle Trend Industries Sdn. Bhd
- 6. Yang Berusaha Encik Amiruddin Bin Hamzah**
“Patent Examiner”
Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO),
Cawangan Zon Utara

7. Yang Berusaha Ir. Ts. Mohamed Syazwan Bin Osman

Penceramah jemputan

8. Yang Berusaha Ahli Pengurusan dan wakil-wakil daripada UiTM Cawangan Pulau Pinang, Sunway Group, Cycle Trend Industries Sdn. Bhd, guru-guru inovasi dari sekolah-sekolah daerah Seberang Perai Utara

9. Barisan Jawatankuasa Penganjur Majlis Perasmian Pengumpulan Sisa Elektrik dan Elektronik Isi Rumah, Tahun 2023

10. Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum w.r.t

Salam Malaysia Madani

Salam UiTM Dihatiku

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas sifat Rahman dan Rahim-Nya jua, kita semua dikurniakan nikmat kesihatan dan kelapangan waktu untuk bersama-sama dalam Majlis Perasmian Pengumpulan Sisa Elektrik dan Elektronik Isi Rumah Tahun 2023 & Pelancaran Inisiatif Hijau FSK UiTM CPP Kampus Bertam pada pagi ini.
2. Pertamanya, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Jabatan Kesihatan Persekitaran, Fakulti Sains Kesihatan UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam** dengan kerjasama **Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang, Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Utara** dan pihak **PTAR Kampus Bertam** atas penganjuran program pada hari ini. Tidak lupa rakan

industri yang turut terlibat iaitu **Cycle Trend Sdn. Bhd.** Selamat Datang ke UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian

3. Pusat Hijau UiTM (UiTM Green Centre, UGC) berikrar untuk mempromosikan inisiatif hijau untuk mengubah universiti menjadi kampus hijau yang mampan melalui sembilan (9) bidang strategiknya: **kampus hijau lestari, peta jalan lestari, penglibatan komuniti, hab pengetahuan mampan, kerjasama dan hubungan industri, inisiatif hijau, penyelidikan dan inovasi, pembangunan kecekapan profesional dan pembangunan bakat hijau.**
4. Selari dengan hasrat itu, Fakulti Sains Kesihatan (FSK), melalui Jabatan Kesihatan Persekitaran, Kampus Bertam telah mengambil tiga (3) inisiatif termasuk: (1) pengurusan sisa yang mampan (***sustainable waste management***), (2) Kesedaran gaya hidup hijau (***Green lifestyle awareness***) dan (3) ***Meningkatkan penjimatan air (enhance water conservation).***

5. Pelbagai pendekatan telah diambil oleh FSK UiTM sebagaimana yang digariskan oleh UiTM iaitu penglibatan komuniti, hub pengetahuan mampan, kolaborasi, menjalin hubungan industri dan inisiatif hijau.
6. Selain itu, FSK UiTM turut mengadakan ceramah perkongsian ilmu mengenai inovasi dan pengurusan sisa kepada guru-guru inovasi di sekolah-sekolah sekitar daerah Seberang Perai Utara. Semoga perkongsian bermanfaat ini dapat memberi bimbingan dan idea kepada para pelajar dan seterusnya mengetahui hak-hak yang boleh dituntut seperti hakcipta, *copyright* atas penghasilan sesuatu idea atau produk.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian

7. UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam sememangnya berhasrat menjadi rakan strategik utama kepada Jabatan Alam Sekitar di wilayah utara dengan memainkan peranan penting sebagai hub pendidikan dan pembangunan profesional dalam

mendidik dan memandu masyarakat menghargai alam sekitar. Justeru, lebih banyak program-program inisiatif hijau akan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar pada masa akan datang.

8. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada AJK pengumpulan sisa elektrik dan elektronik isi rumah tahun 2023 yang berjaya mengumpul kutipan secara **drop-off di Kampus Bertam bersamaan 1,087.6kg**, kutipan dari **komuniti LARA, Bertam sebanyak 852.5kg**, dan kutipan dari **SMK Guar Perahu sebanyak 1,019.32kg** dan menjadikan jumlah keseluruhan kutipan sisa elektrik dan elektronik sebanyak **2,959.2 kilogram** sepanjang dua hari pengumpulan pada 8 dan 9 Julai yang lalu. Saya berhasrat agar semua warga UiTM bersama komuniti setempat lebih cakna untuk melakukan pengurusan sisa elektrik dan elektronik yang betul di masa hadapan.

PENUTUP

9. Mengakhiri ucapan saya pada hari ini, sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang menjayakan program termasuk Jabatan Alam Sekitar, semua wakil-wakil agensi, pihak sekolah, PTAR Kampus Bertam, staf dan pelajar.

10. Akhir kalam, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama memastikan alam sekitar terpelihara utk kita warisi kepada generasi akan datang. Kalau bukan kita, siapa? dan kalau bukan sekarang, bila?

11. Dengan sukacitanya, dengan lafaz Bismillah-hirraman-nirrahim, saya dengan ini merasmikan
“PROGRAM PENGUMPULAN SISA ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK ISI RUMAH & PELANCARAN INISIATIF HIJAU” FAKULTI SAINS KESIHATAN UiTM CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS BERTAM
Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, terima kasih.